UUM/DD99/BH/25.09.2005/p: 8 (6)

Dua 'rakan sekuliah terima pingat emas

BH 25/9/05 8:6

SINTOK: Mereka pernah menjadi 'lawan' ketika kuliah tetapi akhirnya muncul penerima Anugerah Pelajaran Diraja sempena Konvokesyen Universiti Utara Malaysia (UUM) ke-18 di sini, semalam.

Suliadi Firdaus Sufahani, 22, dan L Zernil, 23, kedua-duanya graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Pemutusan turut mencipta sejarah muncul dua penerima pingat daripada pengkhususan yang sama.

Kedua-dua pemenang Anugerah Pelajaran Diraja itu masing-masing menerima pingat emas, sijil serta wang tunai RM2,000 daripada Sultan Kedah yang juga Canselor UUM.

Ketika ditemui, mereka terkejut kerana menyangka hanya seorang akan menerima anugerah itu.

Suliadi yang berasal dari Teluk Bahang, Pulau Pinang, sempat mengusik Zernil dengan berpura-pura tewas kepadanya.

"Saya menelefon Zernil dan mengucapkan tahniah tetapi tidak memberitahu yang saya juga penerima anugerah hingga berita itu dilaporkan dalam akhbar," katanya.